

BAB 5

ISLAM DAN POLITIK PRAKMATIK TURKI

1998-2003

5.1 Pendahuluan

Beberapa siri penutupan parti politik berasaskan Islam seperti MNP, MSP dan Refah memberi gambaran jelas kepada penggerak parti yang dibelakangi oleh Necmettin Erbakan untuk lebih peka terhadap hakikat kepentingan kesinambungan Islam dalam proses politik di Turki. Menyedari akan halangan dan rintangan yang terpaksa dihadapi dalam usaha menginstitusikan keagungan peradaban Islam dalam kehidupan masyarakat awam, kumpulan berhaluan Islam mengambil langkah yang lebih prakmatik dengan segala bentuk kesederhanaan dan tolak-ansur agar politik Islam tidak dilihat menimbulkan konflik terhadap sistem demokrasi Turki, di samping mewujudkan persaingan yang harmoni dalam arus perdana politik negara. Walaupun keanggotaan kumpulan Islamis di parlimen berkurangan selepas tahun 1998, namun begitu, peranan yang ditunjukkan oleh mereka telah mampu memperlihatkan kewujudan mereka sebagai kumpulan yang terus memperjuangkan tuntutan masyarakat Islam.

5.2 Kebangkitan dan Kejatuhan Fazilet Partisi

Pengharaman Refah Partisi pada 28 Februari 1998 telah memberi kesan terhadap perubahan corak, akomodasi pendekatan dan penyampaian politik golongan Islamis agar dapat mewujudkan suasana harmoni selaras dengan dasar politik dan perlembagaan. Berikut pengharaman ini, Fazilet Partisi ditubuhkan pada 17 Disember 1997 di bawah pimpinan Recai Kutan. Turkish Daily News melaporkan bahawa seramai 41 bekas

anggota Refah Partisi menyertai Fazilet antaranya, Recai Kutan, Fethullah Erbas, Seref Malkoc, Yakup Budak, Sitki Cengil, Ahmet Celik, Zeki Ergezen, Bedri Incetahtaci, Sinasi Yavuz, Ali Oguz, Avni Dogan, Yasar Canbay, Fikret Karabekmez dan lain-lain.¹ Manakala, Abdullah Gul pula melaporkan bahawa empat puluh orang anggota pengasas Fazilet ini adalah termasuk ahli baru yang bukan merupakan bekas anggota parlimen.² Fazilet Partisi ditubuhkan lebih awal sebelum Refah Partisi diharamkan bagi mengelakkan Fazilet dikaitkan sebagai penerus kesinambungan Refah. Kemasukan ahli baru pula dilakukan secara berperingkat. Ini merupakan muslihat Fazilet untuk mengelakkan sebarang tindakan politik oleh Pendakwa Raya Perlembagaan. Sebelum itu, 147 bekas ahli Parlimen Refah mengistiharkan diri mereka sebagai wakil bebas.³

Kepimpinan Fazilet cuba mengikis imej konservatif yang terdapat pada parti terdahulu dengan mengistiharkan parti tersebut sebagai parti moderat yang membawa idea pembaharuan seperti membenarkan wanita menyertai pentadbiran parti dan pergerakan masyarakat, serta menyokong demokrasi sepertimana disarankan oleh perlembagaan Turki dan negara Barat.⁴ Sementara itu, potret Kemal Ataturk, iaitu pengasas Republik Turki yang membawa Turki kepada sebuah negara moden yang berorientasikan Barat pula menghiasi latar belakang ibu pejabat Fazilet.⁵

Fazilet Partisi menyertai pilihan raya pada 18 April 1999, iaitu buat pertama kali selepas penubuhannya. Walaupun kehilangan banyak undian dalam pilihan raya ini,

¹ "Virtue Party Founds Group in Parliament", *Turkish Daily News*, 24 Februari 1998, hlm. 1-2. http://www.turkishdailynews.com/tdn/free_daily_tdn/latest/dom.htm.

² "Gul: New Pro-Islamic Party to be Ready This Week", *Turkish Daily News*, 24 Februari 1998, hlm. 2. http://www.turkishdailynews.com/tdn/free_daily_tdn/latest/dom.htm.

³ Lihat, Ilnur Cevik, "The Virtue Party: Confusion of All Kinds" dan "Former Refah Members Gather in Virtue", *Turkish Daily News*, 25 Februari 1998, hlm. 1-2. http://www.turkishdailynews.com/tdn/free_daily_tdn/latest/dom.htm.

⁴ "Islamists Find Virtue in a Woman's Name", *New Straits Times*, 27 Mac 1998, hlm. 10.

⁵ Elif Unal, "New Turk Islamists Face Skeptical Army", *Middle East Times*, September 1999, hlm 1. http://metimes.com/issue99-9/reg_new.htm.

namun Fazilet masih mampu memperolehi 15.2 peratus undi dan mencapai undian yang lebih baik dalam pilihan raya majlis perbandaran dengan perolehan 23 peratus undi. Pilihan raya 1999 telah menyaksikan peralihan undian yang agak ketara antara ANAP, DYP dan CHP yang selama ini menguasai peratusan undian, kepada parti ultra-nasionalis MHP, pimpinan Devlet Bahceli dengan mencapai 18.1 peratus undi atau 129 kerusi dan Fazilet Partisi yang memperolehi 15.2 peratus undi atau 111 kerusi. DSP pimpinan Bulent Ecevit mengatasi undian keseluruhan pada pilihan raya kali ini dengan memperolehi 22 peratus undi atau 136 kerusi.⁶ Walau bagaimanapun, pencapaian 23 peratus undi terhadap Fazilet dalam kerusi majlis perbandaran, termasuk di Ankara dan Istanbul membuktikan kejayaan parti tersebut mendapatkan keyakinan pengundi di kawasan bandar.⁷ Keputusan ini meletakkan Fazilet sebagai parti ketiga terbesar selepas DSP dan MHP dalam Parlimen Dewan Agung Kebangsaan dan kerajaan pimpinan Bulent Ecevit.

Pendukung Fazilet yang terdiri daripada generasi konservatif dan refomis muda menyedari rintangan yang terpaksa ditempohi ketika berhadapan dengan dasar birokrasi kerajaan terhadap program berbentuk keislaman. Menyedari akan hakikat tersebut, orientasi Fazilet kini berubah daripada anti-Barat kepada pendekatan yang sederhana yang menyokong Barat, pasaran terbuka, pemodenan dan penyertaan dalam politik negara.⁸ Perubahan ini dilakukan bagi menyesuaikan imej tradisi agama dan cara hidup masyarakat tempatan dengan pemodenan dunia global kini.⁹ Tambahan pula, kemerosotan undian Fazilet yang tidak mencapai sasarannya telah memberi jawapan dan amaran

⁶ Ahmad Irfan, "Elections but No Freedom to Choose: What Do You Do if Are A Turk", *Impact International*, Vol. 29, No. 5, Mei 1999, hlm. 24-25. İlhan Cevik, "MHP Quake Clouds DSP Victory", *Turkish Daily News*, 20 April 1999. <http://www.turkishdailynews.com/FrTDN/latest/dom.htm>. Lihat juga Alan Makovsky, "Research Guide: Turkey's Election and New Government, An Analysis of the 1999 Elections" *Middle East Review of International Affairs Research*, hlm. 1-7. <http://www.biu.ac.il/SOC/besa/meria/research-g/turkey-elections.html>.

⁷ Ibid., hlm. 25. "Kutan: 'FP The Winner of Local Elections'", *Turkish Daily News*, 21 April 1999, hlm. 1-2. <http://www.turkishdailynews.com/FrTDN/latest/dom.htm>.

⁸ Recep Boztemur, "Political Islam in Secular Turkey in 2000: Change in the Rhetoric Towards Westernization, Human Rights and Democracy", *International Journal of Turkish Studies*, Musim Bunga 2001, Vol. 7, No. 1&2, hlm. 125-135.

⁹ Ibid., hlm. 130.

terhadap pendekatan yang digunakan oleh Fazilet dalam mencapai hala tuju pembangunan sosial dan politik.¹⁰ Transformasi yang dilakukan oleh Fazilet ini lebih membuka ruang toleransi terhadap kehendak popular rakyat dan dasar kerajaan.

Walaupun begitu, dalam beberapa kenyataan pemimpinnya, iaitu Recai Kutau, Fazilet masih terus memperjuangkan hak dan kebebasan rakyat dalam melaksanakan tuntutan agama selaras dengan ruang lingkup yang diperuntukkan oleh demokrasi. Ketegasan Fazilet dalam isu hak beragama dibuktikan oleh tindakan parti itu mempertahankan kedudukan dan hak ahli parlimennya, Merve Kavakci yang tidak dibenarkan memakai tudung ketika upacara mengangkat sumpah di Parlimen.

Pelbagai dakwaan dikenakan ke atas Kavakci bagi menghalang beliau daripada mengangkat sumpah sebagai anggota parlimen. Antaranya pertikaian terhadap status kerakyatan beliau¹¹ dan ancaman untuk tidak membenarkan beliau ke luar negara. Ucapan Merve Kavakci di Persidangan Islam di Chicago pada tahun 1997 yang mengistiharkan aktivitinya sebagai jihad juga turut diambil kira untuk menyabitkan beliau dengan pelbagai kesalahan undang-undang.¹² Tuduhan tersebut mampu melucutkan jawatan beliau sebagai ahli parlimen. Namun begitu, jika diteliti daripada kesemua dakwaan yang sengaja disabitkan ini, ia hanya berpunca daripada tindakan beliau memakai tudung yang dianggap satu kesalahan di sisi perlombagaan dan penghinaan terhadap undang-undang Turki. Ekoran daripada itu, kerajaan Turki telah melucutkan kerakyatan Kavakci dan

¹⁰ Ahmad Irfan, "Elections but No Freedom to Choose", him. 25.

¹¹ Merve Kavakci telah berkahwin dengan seorang ahli peniagaan Turki warga Amerika Syarikat, Bekir Yildirim. Menurut perlombagaan Turki apabila seseorang wanita berkahwin dengan warga asing, maka secara lansung kerakyatan beliau mengikut negara suaminya. Tetapi sekiranya beliau enggan melepaskan kerakyatan Turki, beliau boleh mempunyai dua kerakyatan. Lihat Gareth Jenkins, "Turkish Islamist on US Visit", *Al-Ahram Weekly*, No. 455, 11-17 November 1999, him. 2.

¹² "Kavakci Besieged by Legal Decisions", *Turkish Daily News*, 11 Mei 1999, him. 1-2.

berusaha mengharamkan Fazilet Partisi yang diwakilinya.¹³ Sementara itu, Ketua Pendakwa Raya, Vural Savas mengumumkan bahawa tindakan Kavakci umpsama “pontianak yang menghisap darah” kerana membangkitkan ancaman Islam terhadap kestabilan negara.¹⁴ Savas juga meminta agar Fazilet diharamkan dan memohon pemecatan 110 orang Ahli Parlimen Fazilet serta mengharamkan segala kegiatan politik mereka selama 5 tahun. Akhirnya, Fazilet Partisi diharamkan oleh Mahkamah Perlembagaan Turki pada 22 Jun 2001 atas dakwaan terlibat dalam kegiatan anti sekular dan penerus kesinambungan parti yang diharamkan.¹⁵

Mahkamah juga telah mengharamkan sebarang kegiatan politik terhadap lima orang ahli parti termasuk dua ahli parlimennya, Nazli Ilicak dan Bekir Sobaci selama lima tahun. Segala aset parti telah dibekukan dan diserahkan kepada Perbendaharaan Negara.¹⁶ Dengan keputusan ini, kerajaan Turki telah menafikan parti yang mendapat sokongan popular rakyat walaupun pungutan suara rakyat membuktikan Fazilet adalah antara parti terbesar di Turki.

Keputusan tersebut amat mendukacitakan banyak pihak kerana dianggap menyalahi demokrasi sebenar. Jabatan Negara Amerika Syarikat mengulas kekesalannya berikutan pengharaman Fazilet, kerana ianya bertentangan dengan norma-norma demokrasi antarabangsa.¹⁷ Recai Kutani dalam ucapannya ketika majlis penutupan Fazilet menyifatkan pengharaman Fazilet sebagai tidak adil dan satu pukulan terhadap

¹³ Nafeez Mosaddeq Ahmed, “Routing Out the Opposition: The Comprehensive Repression of Human Rights in Turkish Society”, *Lexington Area Muslim Network*, 7 Disember 2000, hlm. 1. <http://www.Ihrc.org>.

¹⁴ “Fatal Blow to FP”, *Turkish Daily News*, 8 Mei 1999, hlm. 3. <http://www.turkishdailynews.com/FrTDN/latest/dom.htm>.

¹⁵ Dipetik dari teks ucapan Recai Kutani dalam Majlis Penutup Fazilet Partisi oleh Mahkamah Perlembagaan Turki pada 22 Jun 2001, di Dewan Perhimpunan Kebangsaan Turki, hlm. 1-3. Lihat juga, Recep Boztemur, “Political Islam in Secular Turkey in 2000”, hlm. 132.

¹⁶ “Turkey’s Banned Islamic Party Goes to European Court”, *Islam Online*, 24 Jun 2001, hlm. 2. <http://www.islamonline.net/English/News/2001-06/24/article15.shtml>.

¹⁷ Ibid., hlm. 1-2.

demokrasi.¹⁸ Sebaliknya, Mazlum-Der, iaitu Pertubuhan Hak Asasi Dan Kesatuan Golongan Ditindas tidak terkejut dengan tindakan tersebut kerana bagi pertubuhan itu, pihak pendakwa raya telah lama memainkan peranan membentuk ideologi dalam kehidupan politik di Turki. Tindakan Savas disifatkan badan tersebut sebagai tindakan bukan atas dasar keadilan tetapi tuntutan ideologi.¹⁹

Selama lebih kurang dua tahun Fazilet Partisi terus bertahan. Namun begitu, selama dua tahun ini juga Fazilet terpaksa berhadapan dengan pelbagai rintangan ketika berada dalam kerajaan. Walaupun penampilan Fazilet lebih sederhana, tidak keterlaluan dalam mengulas isu agama, namun kehadiran imej moderat Islam parti itu tetap tidak disenangi oleh pihak pemerintah sungguhpun isu yang diperjuangkannya hanya merupakan hak asasi setiap warga dalam sebuah negara yang demokratik. Walaupun tidak berhasrat mendirikan kerajaan Islam, namun begitu, Fazilet mampu mengendurkan sistem sekular Turki dengan mempertahankan wanita bertudung di jabatan kerajaan dan institusi pendidikan.

5.3 Adalet ve Kalkınma Partisi Dan Saadet Partisi Dalam Politik Turki

Perbezaan pandangan berhubung kaedah yang terbaik untuk memastikan agar politik berhaluan Islam terus mendapat tempat di kalangan majoriti rakyat dan politik Turki, telah melahirkan dua kumpulan di kalangan Fazilet Partisi. Walau bagaimanapun, perbezaan ini dilihat telah membawa perubahan yang lebih positif ke arah memperbaiki cara penyampaian dan kematangan pendukung politik Islam untuk menambat

¹⁸ Ucapan Recai Kutan dalam Majlis Penutup Fazilet Partisi, hlm. 2
<http://www.islamicparty.com/commonsense/fazilat1.htm>,
¹⁹ Esra Erduran, "Human Rights Associations React to FP Closure Case, *Turkish Daily News*, 8 Mei 1999, hlm. 6.

kepercayaan massa. Perubahan pucuk kepimpinan yang lebih sederhana dalam parti membawa kesan terhadap pembangunan sosial dan politik yang lebih prakmatik.

Pada bulan Julai 2001 kumpulan konservatif dalam Fazilet Partisi telah menubuhkan parti baru, iaitu Saadet Partisi pimpinan Recai Kutau setelah Mahkamah Perlembagaan Turki mengharamkan Fazilet kerana gerakan anti-sekularnya. Manakala sebulan selepas itu, kumpulan refomis terdiri daripada generasi muda yang lebih moderat telah mengumumkan pembentukan Parti Keadilan dan Pembangunan atau *Adalet ve Kalkınma Partisi* (AKP) pada 11 Ogos 2001 yang dipimpin oleh Recep Tayyip Erdogan.²⁰ Kumpulan refomis pada peringkat awal sehingga selepas pilihan raya November 2002, diketuai oleh Abdullah Gul berikutan tahanan yang dikenakan ke atas Erdogan selama sepuluh bulan²¹ dan pengharaman beliau daripada segala aktiviti politiknya. Tahanan ke atas Erdogan dikenakan atas tuduhan menghina pemerintahan sekular Turki kerana membaca puisi Ziya Gokalp berbunyi: "Masjid Turki adalah berek kami, menara-menaranya adalah bayonet²² kami, kubahnya adalah topi besi kami dan orang beriman (Islam) adalah tentera kami".²³

Saadet Partisi pula masih mendukung haluan tradisi parti-parti terdahulu yang pernah dipimpin oleh Necmettin Erbakan. Barisan kepimpinan konservatif ini sememangnya menyedari keperluan untuk mengubah beberapa dasar sesuai dengan kehendak politik semasa. Walaupun begitu, kumpulan ini masih dibayangi oleh corak kepimpinan konservatif sedia ada dari segi pengendalian dan gagasan parti. Antara

²⁰ "Turkey Forms New Islamic Party", *Islam Online*, Ankara, 14 Ogos 2001, hlm 1. <http://www.islamonline.net/English/News/2001-08/15/article1.shtml>.

²¹ Metin Heper menyatakan bahawa Erdogan dikenakan tahanan selama empat bulan setengah. Lihat Metin Heper, "Islam, Modernity and Democracy in Contemporary Turkey: the Case of Recep Tayyip Erdogan", *Turkish Daily News*, 5 Februari 2002, hlm. 4. Pelin Turgut, "Turk Islamist Marathon Man Jailed but Not Forgotten", *Middle East Times*, 11 April 1999, hlm. 1.

²² Pisau di hujung senapang.

²³ Lihat M. Hakan Yavuz, "The Politics of Fear: The Rise of the Nationalist Action Party (MHP) in Turkey", *Middle East Journal*, Vol. 56, No. 2, Musim Bunga 2002, hlm. 204.

pemimpin yang menerajui Saadet Partisi sepetimana tertera dalam laman web parti ini ialah Dr. Ahmet Sunnetciolu, Cevat Ayhan, Dr. Yuk Muh. Ibrahim Ertan Yulek, Lutfu Esengun, Prof. Dr. Mehmet Bekarolu, Dr. Mete Gundoan, Av. Sevket Kazan, Temel Karamollaolu, Husamettin Korkutata, Mustafa Gecer, Seref Malkoc, Suat Pamukcu dan Teoman Rza Guneri. Necmettin Erbakan masih kekal sebagai tulang belakang Saadet Partisi.²⁴ Pada 11 Mei 2003, Erbakan kembali aktif dalam politik dan memimpin semula Saadet Partisi setelah tamat tempoh lima tahun pengharaman beliau dari dunia politik. Kepulangan Erbakan disambut dengan slogan “Erbakan Pejuang” dan “Wira Negara” oleh penyokong beliau. Konvensyen Saadet Partisi yang diadakan di Pusat Sukan Ataturk, Ankara, menandakan bermulanya era kepimpinan Erbakan dalam memimpin Saadet secara rasmi.²⁵

5.3.1 Wawasan Pembangunan Negara

Saadet Partisi pimpinan Erbakan masih menggunakan slogan Milli Gorus sebagaimana perjuangan parti sebelumnya, untuk membela tuntutan masyarakat Islam di Turki. Sepanjang menggerakkan aktiviti parti, simbol Islam ditampilkan dalam bentuk isu yang menyentuh hak dan kebebasan individu dalam sistem demokrasi yang diamalkan negara. Keseimbangan pembangunan moral dan fizikal tetap menjadi keutamaan Saadet sebagai formula penting untuk mewujudkan perkembangan yang positif dalam mencapai kemajuan masyarakat.²⁶

Manakala, kepimpinan Erdogan pula cuba membawa imej baru yang mencerminkan identiti tersendiri AKP. AKP menampilkan identiti politiknya sebagai

²⁴ Dipetik dari laman web Saadet Partisi, “*Genel Bakan*” dan “*Bakanlık Divan*”, 3 September 2003, hlm. 1, 2. <http://www.sp.org.tr/default2.asp?x=800&y=0>.

²⁵ Recai Kutau meletak jawatannya pada 11 Mei 2003 bagi memberi lauan kepada Erbakan untuk memimpin Saadet. “Erbakan Returns to Active Politics”, *Turkish Daily News*, 12 Mei 2003, hlm. 3.

²⁶ “Erbakan Wishes Success to AKP Government”, *Turkish Daily News*, 23 November 2002, hlm. 5.

kumpulan konservatif demokrat. Berbeza dengan imej konservatif parti berhaluan Islam terdahulu, matlamat AKP kini dicapai melalui kredibiliti institusi politiknya yang dinamik ke arah memartabatkan peradaban masyarakat Turki selari dengan dunia moden dan demokrasi sejagat kini, tanpa mengenepikan nilai murni serta tradisi masyarakat tempatan. Hak asasi manusia, kebebasan, keadilan perundangan dan demokrasi adalah antara perkara asas yang menjadi sasaran AKP demi kestabilan, keselamatan dan keharmonian rakyat dalam negara. Taraf hak asasi yang ingin dicapai AKP adalah seperti mana terkandung dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat, Konvensyen Eropah berhubung Hak Asasi Manusia dan Akta Helsinki yang menjadi amalan anggota EU.²⁷ Oleh itu segala pandangan, cadangan badan sukarela dan organisasi bukan kerajaan diambil perhatian oleh AKP untuk mewujudkan tuntutan yang saksama dalam isu hak. Dalam hal ini, AKP melihat agama sebagai institusi kemanusiaan yang paling penting, sementara sekularisme sebagai pra-syarat demokrasi yang dapat menjamin kebebasan agama dan kesedaran masyarakat. AKP menolak interpretasi sekularisme sebagai musuh kepada agama, sebaliknya ia adalah prinsip yang membenarkan semua penganut agama melaksanakan tanggungjawab terhadap pegangan mereka secara aman.²⁸

Wawasan pembangunan Islam tidak dinyatakan secara jelas oleh AKP. Ini kerana agama merupakan satu isu yang amat sensitif dalam politik dan perlombagaan Turki. Dengan itu, AKP cuba mengelak daripada menyentuh perkara yang boleh menimbulkan konflik terhadap dasar negara. Walaupun begitu, pandangan Islam berhubung pemerintahan dan hak rakyat dalam sebuah negara merupakan intipati penting perjuangan AKP. Pandangan Islam yang bersifat sejagat ini disesuaikan dengan keperluan semasa masyarakat Turki moden. Sebagai contoh, kebebasan dalam mengamalkan ajaran agama

²⁷ "Development and Democratization Program", *Adalet Ve Kalkınma Partisi*, 1 September 2003, hlm. 7. <http://www.akparti.org.tr/programeng3.asp>.

²⁸ Ibid, hlm. 8.

dijadikan isu yang dapat mempertahankan beberapa amalan bagi masyarakat Islam. Ini termasuklah pemakaian tudung di kalangan wanita. Beberapa pembaharuan hak asasi manusia termasuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kebebasan beragama yang turut dijadikan asas dalam usaha AKP menyokong peluang Turki menganggotai Kesatuan Eropah (EU).²⁹

Pemerintahan negara dari kaca mata AKP perlu dijalankan secara adil, telus, amanah dan bertanggungjawab. Sebagai sebuah parti yang peka terhadap hal ehwal negara, AKP merumus konsep ekonominya yang bertujuan meningkatkan kebijakan dan kemakmuran masyarakat. Oleh itu, strategi pembangunan ekonomi perlu dilaksanakan secara berterusan bagi menggerakkan potensi pembangunan negara dalam semua sektor termasuk kewangan, penswastaan, polisi pengeluaran dan pelaburan, perdagangan, pertanian penternakan, tenaga, perlombongan, pengangkutan dan komunikasi, perlancongan dan memelihara hak kepenggunaan.³⁰ Dengan dasar tersebut, kemiskinan dan pengangguran cuba dikurangkan. Manakala kekayaan negara dapat dinikmati oleh semua rakyat.

Menurut AKP, pentadbiran sebuah kerajaan yang demokratik perlu menyediakan kualiti perkhidmatan yang cemerlang bagi mengekalkan keadilan sosial dan pembangunan. Menjadi keutamaan ke atas pentadbiran kerajaan tempatan untuk berkhidmat kepada masyarakat dengan kuasa, tugas dan fungsi yang termaktub dalam Perlembagaan. Kerajaan hendaklah bertanggungjawab memastikan keselamatan, warga asing, keadilan, pendidikan asas, perkhidmatan kesihatan dan kemudahan awam dapat berfungsi dengan baik. Kerajaan sama ada tempatan maupun pusat perlu memastikan

²⁹ "Tidak Perlu Pinda Undang-Undang Benarkan Wanita Pakai Tudung", *Utusan Malaysia*, 26 November 2002, hlm. 17.

³⁰ "Development and Democratization Program", hlm. 21-40.

demokrasi dan keperluan rakyat dipenuhi semaksima mungkin di samping mengenalpasti kelemahan dalam pentadbiran sedia ada.³¹

Selain polisi dalam ekonomi dan pentadbiran, AKP juga meletakkan keutamaan kepada polisi sosial bagi menjamin kebajikan dan kesejahteraan semua warganya. Untuk itu, AKP mencadangkan agar golongan miskin, kurang upaya dan penganggur tidak dipinggirkan dalam arus pembangunan. Pendidikan khusus serta latihan perlu disediakan untuk membuka peluang yang lebih baik kepada golongan ini di samping kemudahan pinjaman atau pengecualian cukai yang mampu menjana pertumbuhan perniagaan sektor kecil dan sederhana. Sementara itu, institusi awam pula perlu berperanan bagi memastikan perlindungan sumber asli dan alam sekitar tetap terpelihara.³²

Pendidikan dan kemudahan kesihatan perlu disediakan secara percuma. Pendidikan wajib selama lapan tahun perlu disusun semula agar memberi ruang yang lebih terbuka kepada pelajar dalam membuat pilihan bersandarkan minat dan potensi yang dapat mencambah pemikiran kritis, kebebasan berfikir dan kesedaran terhadap bangsa dan negara. Dengan itu, AKP menyarankan agar “kursus pilihan” diperkenalkan bermula dengan lima tahun pertama dalam pendidikan wajib. Persekitaran pembelajaran perlu dipertingkatkan dengan pembangunan tenaga pengajar serta teknologi pembelajaran terkini dan sistematik supaya meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan negara.³³

Galakan terhadap pembangunan kebudayaan dan kesenian, wanita, keluarga dan perkhidmatan sosial, belia dan sukan, media dan komunikasi, buruh, pembangunan bandar dan perumahan turut diberi perhatian oleh AKP dalam merangka wawasan

³¹ Sedutan ucapan Erdogan dalam sidang akhbar bersama AKP di Ankara, Turki pada 7 Jan 2002. <http://www.akparti.org.tr/programeng4.asp>.

³² “Development and Democratization Program”, hlm. 48-49.

³³ Ibid., hlm. 50-51.

pembangunan negara ke arah memulihkan kembali persekitaran hidup masyarakat yang lebih harmoni dan sejahtera.³⁴

Sementara itu, dalam polisi luar negara, AKP berhasrat menjaga hubungan baik dengan negara jirannya ke arah kestabilan serantau, ekonomi dan sikap yang menghormati demokrasi dan hak asasi. Hubungan Turki dengan Eropah tetap menjadi keutamaan dalam polisi luar AKP. Selari dengan itu, kerjasama dengan Amerika Syarikat, NATO dan negara Eropah lain dalam pelbagai bidang tetap diteruskan, di samping meningkatkan peranan Turki dalam Persidangan Negara-negara Islam (OIC). Selain memberi pulangan kepada ekonomi, hubungan kerjasama dengan negara luar ini juga dapat dimanfaatkan oleh Turki melalui pertukaran idea berhubung pembangunan sains dan teknologi, budaya serta kesenian masyarakat.³⁵

5.4 Pilihan Raya November 2002

Kemenangan besar AKP dengan undian majoriti terbesar pada pilihan raya 3 November 2002 memberi kejutan kepada ramai pihak di serata dunia. Pertama kali dalam sejarah Turki semenjak lima belas tahun, sebuah parti mendapat majoriti terbesar dalam pilihan raya. AKP berjaya memperolehi 34.3 peratus undi mengalahkan saingannya Parti Rakyat Republik (CHP) dengan 19.4 peratus undi. Parti Demokratik Kiri (DSP), pimpinan Mantan Perdana Menteri Bulent Ecevit hanya memperolehi 1.2 peratus undi, sementara rakan kerajaan campurannya, MHP dan ANAP hanya mencapai 8.3 peratus dan 5.1 peratus undi. Parti-parti lain yang turut bertanding tetapi gagal mendapat sebarang kerusi di Parlimen termasuk DYP yang memperolehi 9.55 peratus, Parti Demokratik Rakyat (DEHAP) memperolehi 6.2 peratus, Parti Belia (Genc Partisi) mencapai 7.25

³⁴ Ibid., hlm. 54-74.

³⁵ Ibid., hlm. 74-78.

peratus dan Saadet Partisi (SP) hanya memperolehi 2.5 peratus undi.³⁶ Parti Baru Turki (YTP) dan Parti Kesatuan Agung (BBP) masing-masing hanya mencapai 1.2 peratus dan 1 peratus undi.³⁷ Hanya AKP dan CHP sahaja layak mendapat tempat di parliment masing-masing dengan 363 kerusi (66 peratus) dan 179 kerusi daripada 550 kerusi di parliment. Sementara itu, 16 daripada 18 parti lain pulang dengan tangan kosong.³⁸ Dengan keputusan ini ia memberi laluan mudah kepada AKP untuk mendirikan kerajaan secara bersendirian.

Kejayaan gilang-gemilang AKP ini disifatkan oleh akhbar-akhbar tempatan satu perhitungan popular selepas bertahun-tahun Turki mengalami krisis ekonomi. Akhbar *Huriyet* menggambarkan kemenangan ini sebagai 'harga yang perlu dibayar ke atas krisis ekonomi' dan 'letusan sosial yang dicetuskan di peti undi'. Manakala, akhbar *Sabah* pula menyifatkan kemenangan Erdogan sebagai 'revolusi orang Anatolia' dan kehendak para pengundi yang menyingkir ahli politik lama sebagai satu 'proses pembersihan besar-besaran'.³⁹ Walaupun Erdogan sebelum ini menyatakan sokongannya terhadap kempen dalam isu-isu pro-Barat dan pro-pasaran Eropah serta menolak label Islam ke atas parti itu, namun terdapat sesetengah pihak mengulas kemenangan itu sebagai petanda kemunculan krisis baru yang melibatkan pertembungan dengan pihak sekular yang berkuasa atau kemungkinan konflik antara Islam dan Barat.⁴⁰

AKP menafikan dakwaan bahawa ia sebuah parti berdasarkan Islam sepetimana tanggapan ramai pihak. Perkara ini ditegaskan oleh Erdogan sendiri yang menjelaskan kedudukan Islam sebagai agama yang dianuti dengan tujuan mencapai kebahagiaan untuk

³⁶ Lihat laporan yang dilakukan oleh OSCE, "Election Observation: Republic of Turkey Parliamentary Elections 3 December 2002", *Office for Democratic Institutions and Human Rights* (OSCE), hlm 11-12. http://www.osce.org/odihr/documents/reports/election_reports/tr/tr_par_nov2002.php3.

³⁷ "AKP Wins Turkish Elections", *Turkish Daily News*, 4 November 2002, hlm. 1-2.

³⁸ "Parti Berteraskan Islam Menang Besar di Turki", *Utusan Malaysia*, 5 November 2002, hlm. 1, 4.

³⁹ "Kejutan Politik Turki" *Utusan Malaysia*, 5 November 2002, hlm. 4.

⁴⁰ "Pengaruh Politik Turki Boleh Cetus Konflik Islam, Barat", *Berita Harian*, 27 November 2002, hlm. 10.

semua umat manusia. Sama juga halnya dengan politik yang merupakan satu seni yang dibuat untuk membolehkan manusia menonjolkan pemikiran dan kepercayaan mereka. Oleh itu, beliau menentang menggunakan agama untuk tujuan politik.⁴¹ Di satu pihak kenyataan Erdogan ini boleh menimbulkan tanggapan terhadap AKP sebagai sebuah parti moderat sekular. Walaupun begitu, pada hakikatnya AKP adalah sebuah parti yang menggunakan pendekatan yang prakmatik bagi membenarkan setiap individu mempertahankan haknya dalam sebuah negara demokrasi yang bebas menyuarakan idea, pemikiran dan kepercayaan agama mereka. Walaupun Islam tidak dinyatakan dalam program pembangunan politik parti, ia tidak bermaksud bahawa AKP meminggirkan terus kepentingan Islam dalam kehidupan harian masyarakat. Erdogan percaya bahawa dengan situasi politik Turki terkini, Islam dan masyarakatnya dapat hidup dalam suasana yang harmoni dengan menggabungkan kehendak Islam dan demokrasi.⁴² Erdogan mengambil sikap yang optimis terhadap masa depan AKP dengan mengambil langkah untuk sentiasa menyokong amalan demokrasi dan dasar sekular negara.

Sebagai parti yang bergerak ke tengah gelanggang politik, AKP merupakan parti yang terdiri daripada golongan sederhana berhaluan kanan dari pelbagai aliran parti lain. Kajian yang dijalankan oleh Kerem Metin dan Ali Gizer ke atas 300 pembaca akhbar harian di Istanbul mendapati bahawa AKP telah mendapat sambutan di kalangan penyokong ANAP, DYP, MHP dan DSP. Sementara itu kira-kira 80 peratus di kalangan mereka yang mengundi Fazilet pada pilihan raya 1999 menyatakan kecenderungan memilih AKP dalam pilihan raya 2002.⁴³ Selain faktor populariti Erdogan yang amat disenangi ramai pihak di Turki, keyakinan massa terhadap AKP yang diletakkan harapan dalam memulihkan kembali kestabilan politik dan ekonomi negara, turut menjadi faktor

⁴¹ Metin Heper, "Islam Modernity and Democracy in Contemporary Turkey: the Case of Recep Tayyip Erdogan", *Turkish Daily News*, 7 Februari 2002, hlm. 4.

⁴² "Orang Asing Perlu Keluar Dari Bumi Iraq: Erdogan", *Berita Hartan*, 16 Jun 2003, hlm. 12.

⁴³ Nilufer Narli, "AKP: Its Allies and the Question of Change in the Islamist Rhetoric", *Turkish Daily News*, 26 September 2001, hlm. 3.

sokongan terhadap AKP. Bersesuaian dengan nama parti ‘AK’ iaitu putih dan bersih, gagasan parti itu yang ingin membersihkan politik negara daripada sindrom rasuah dan nepotisme telah meyakinkan rakyat terhadap kemampuan AKP.⁴⁴ Bagi kebanyakan rakyat Turki iaitu lebih daripada sejuta orang yang hilang mata pencarian dalam krisis ekonomi lalu, Erdogan adalah pemimpin yang memahami suara hati mereka.⁴⁵ Sokongan yang ditunjukkan oleh rakyat dalam pilihan raya November 2002 lalu, jelas memperlihatkan kepercayaan massa terhadap dasar AKP yang telus, bertanggungjawab dan berwibawa dalam memimpin negara dan masyarakat.

5.5 Kerajaan Pimpinan AKP

AKP berjaya membentuk sebuah kerajaan majoriti pimpinannya pada 18 November 2002. Penubuhan kerajaan majoriti ini merupakan peristiwa yang julung kali berlaku dalam lipatan sejarah Turki sejak tahun 1987. Presiden Turki, Ahmet Necdet Sezer berkenan membenarkan Abdullah Gul membentuk kerajaan serta mengumumkan senarai anggota kabinetnya.⁴⁶ Namun begitu, jawatan Perdana Menteri yang disandang oleh Abdullah Gul hanya untuk beberapa ketika bagi memberi laluan kepada Erdogan menyandang kerusi tertinggi dalam kerajaan itu. Sebanyak dua puluh lima kerusi kabinet dibentuk, iaitu suatu jumlah yang agak kecil berbanding tiga puluh lima kerusi yang diperuntukkan dalam kerajaan yang lepas.⁴⁷

Pada 18 Mac 2003, Recep Tayyip Erdogan telah dilantik sebagai Perdana Menteri Turki bagi menggantikan Abdullah Gul. Anggota Kabinet kerajaan pimpinan Erdogan pada kali ini membariskan barisan kepimpinan parti yang berkaliber antaranya, Abdullah

⁴⁴ “Turkish Islamist Form New Party”, *BBC News*, 14 Ogos 2001, hlm. 1. http://news.bbc.co.uk/hi/english/world/europe/newsid_1490000/1490856.stm.

⁴⁵ “Kejutan Politik Turki” *Utusan Malaysia*, 5 November 2002, hlm. 4.

⁴⁶ “Sezer Approves Gul’s Reformist Cabinet”, *Turkish Daily News*, 19 November 2002, hlm. 1-2.

⁴⁷ “PM Turki Umum Senarai 25 Anggota Kabinet Baru”, *Utusan Malaysia*, 19 November, 2002.

Gul sebagai Menteri Negara dan Menteri Hubungan Luar, Dr. Abdullatif Sener dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Negara, Mehmet Ali Sahin juga sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Negara. Manakala Prof. Dr. Besir Atalay, Ali Babacan, Prof Dr. Mehmet Aydin, Kursat Tuzmen dan Guldal Aksit masing-masing dilantik sebagai Menteri Negara. Sementara itu, pemimpin konservatif, Cemil Cicek pula dilantik menyandang jawatan Menteri Keadilan, Mehmet Vecdi Gonul sebagai Menteri Pertahanan Negara, Abdul Kadir Aksu sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Kemak Unakitan sebagai Menteri Kewangan, Huseyin Lelik sebagai Menteri Pelajaran, Zeki Ergezen sebagai Menteri Negara, Prof. Dr. Recep Akdag sebagai Menteri Kesihatan, Binali Yildirim sebagai Menteri Pengangkutan, Prof. Dr. Sami Guclu sebagai Menteri Pertanian Dan Hal Ehwal Luar Bandar, Murat Baseskioglu sebagai Menteri Buruh dan Keselamatan Sosial, Ali Coskun sebagai Menteri Industri dan Perdagangan. Lain-lain jawatan antaranya, Menteri Tenaga dan Sumber Asli disandang oleh Dr. Helmi Guler, Erkan Mumcu sebagai Menteri Kebudayaan dan Perlancongan dan Osman Pepe dilantik sebagai Menteri Alam Sekitar dan Perhutanan.⁴⁸

Kerajaan Turki ke-59 yang dipimpin oleh Parti AKP ini bertekad untuk membawa Turki ke arah perubahan yang lebih pesat dalam pembangunan dan pmodenan sepermata janjinya dalam pilihan raya yang lalu. Adalah terlalu awal untuk mengukur pencapaian yang dilakukan oleh kerajaan pimpinan Erdogan yang ditubuhkan tidak sampai satu tahun ini. Walaupun begitu, penulis cuba mengulas beberapa perubahan yang telah dilakukan setakat ini melalui dasar-dasar yang telah diperkenalkan oleh kerajaan pimpinan beliau. Penulis juga turut memuatkan rancangan Strategi Pemulihan Ke-7 yang sedang diusahakan oleh kerajaan AKP ke arah penyertaan Turki dalam Pasaran Eropah (EU).

⁴⁸ "Members of 59th Government", *The Republic of Turkey Prime Ministry*, 7 September 2003, hlm. 1-9. <http://www.basbakanlik.gov.tr/english/members1.htm>.

Terdapat beberapa program yang dirancangkan oleh Erdogan bagi memulihkan kembali krisis sosial dan ekonomi negara yang semakin tenat. Di antara sasaran AKP dalam memenuhi kehendak dan keinginan rakyatnya ialah untuk mencapai ketabilan ekonomi melalui pengwujudan struktur persaingan pasaran, mencapai persekitaran pembangunan yang berdaya tahan dan pengagihankekayaan daripada kemakmuran ekonomi secara adil. AKP juga berusaha memerangi kemiskinan dan rasuah dan menghapuskan segala halangan termasuk kekebalan kuasa pendakwaraya terhadap majikan bagi semua sektor awam. Kerajaan yang dipimpin Erdogan cuba sedaya upaya mewujudkan persekitaran yang aman dan makmur bagi rakyat dalam negara dan mewujudkan sebuah negara yang bersatu dengan kepelbagaiannya yang wujud, bukan sebagai konflik tetapi kekayaan yang menceriakan lagi masyarakat, menghidupkan hasrat bangsa secara terhormat, demokratik dan dinamik.⁴⁹

Dalam usaha mempertingkatkan kebijakan rakyatnya, kerajaan AKP merancang untuk mewujudkan insentif kepada golongan miskin yang mempunyai purata pendapatan kurang daripada TL 1,500 dengan pengecualian cukai dan premium keselamatan sosial. Tanah juga diperuntukkan kepada petani dan pelabur bagi membangunkan kawasan luar bandar. Langkah ini diambil oleh kerajaan untuk menghapuskan jurang perbezaan di antara wilayah barat dan timur Turki.⁵⁰

Sistem perundangan negara pula tidak seharusnya mewujudkan diskriminasi di kalangan masyarakat mahupun individu berdasarkan bahasa, bangsa, warna, gender, pegangan politik, falsafah kepercayaan dan agama. Kerajaan berusaha meningkatkan taraf perundangan Turki ke tahap undang-undang antarabangsa dengan meningkatkan hak asasi

⁴⁹ Pembentangan rancangan dan dasar kerajaan ke-59 oleh Perdana Menteri Turki, Recep Tayyip Erdogan pada 18 Mac 2003 di Parlimen Turki. Teks ucapan diperolehi dalam laman web Jabatan Perdana Menteri Turki. *The Republic of Turkey Prime Ministry*, 7 September 2003, hlm. 2. <http://www.basbakanlik.gov.tr/english/59programme.htm>.

⁵⁰ "Erdogan: Incentives for Poor Areas", *Turkish Daily News*, 12 Mei 2003, hlm. 1.

manusia dan kebebasan kerajaan mengikut piawaian yang digariskan oleh badan antarabangsa. Segala usaha ini dilakukan untuk memberi keyakinan kepada EU bahawa Turki sedang menuju ke arah sebuah negara yang demokratik. Sebaik sahaja kemenangan AKP dalam pilihan raya lalu, para pemimpin AKP mengadakan kunjungan ke negara-negara anggota EU. Hasilnya, AKP berjaya mendapatkan penetapan pada Disember 2004 sebagai tarikh rasmi untuk mengadakan perundingan keahlian penuh Turki ke dalam EU. Sehubungan dengan itu, beberapa langkah diambil oleh kerajaan AKP bagi membentuk sistem yang dapat memastikan hak asasi dan demokrasi dapat dilaksanakan mengikut ketetapan antarabangsa melalui fungsi semua institusi dan badan perundangan negara.⁵¹

Sementara itu, beberapa langkah juga dilakukan untuk penstruktur semula pentadbiran kerajaan tempatan. Kuasa kementerian di kawasan luar bandar akan diambil alih oleh Pentadbiran Khas Wilayah dan Gabenor. Perhatian diberikan sepenuhnya terhadap tahap kesihatan, pendidikan, budaya, aktiviti kemasyarakatan, pertanian alam sekitar, perlancongan, pembangunan dan perkhidmatan pengangkutan yang disediakan di peringkat wilayah. Kajian tentang “Pandangan Organisasi Terhadap Kerajaan” secara menyeluruh dijalankan oleh setiap institusi awam kerajaan. Institusi dalam pentadbiran yang mempunyai peranan yang hampir sama akan dimansuhkan bagi mengurangkan pertindihan tugas. Istilah dan konsep “sulit” dalam pentadbiran akan dihadkan kepada istilah yang lebih sesuai bagi menggalakkan penyertaan dan hak rakyat mendapatkan maklumat. Untuk itu, ‘Undang-undang Hak Rakyat Untuk Mendapatkan Maklumat’ akan diluluskan dengan wujudnya organisasi pentadbiran yang telus dan bertanggungjawab yang menyediakan maklumat berkenaan tugas dan perkhidmatan yang disediakan oleh sektor awam melalui kemudahan teknologi komunikasi maklumat terkini. Usaha juga dilakukan untuk mengurangkan karenah birokrasi dan ketidakberkesanan melalui

⁵¹ Rancangan dan dasar kerajaan ke-59 oleh Perdana Menteri Turki, 18 Mac 2003, him. 5-6. <http://www.basbakanlik.gov.tr/english/59programme.htm>.

perlaksanaan sistem “e-kerajaan” yang dapat memberikan perkhidmatan serta maklumat perkhidmatan awam secara elektronik.⁵² Projek “e-transformasi Turki” melalui internet ini juga disediakan untuk menyalurkan maklumat dan perkhidmatan dalam bidang pendidikan, kesihatan dan perdagangan.⁵³

Kerajaan AKP turut mengambil berat terhadap persekitaran politik dalam negara. Untuk memulihkan kepercayaan massa terhadap dasar ekonomi dan politik, kerajaan AKP mengambil kira beberapa perkara dalam proses membuat keputusan dan dasar dengan memberi perhatian terhadap tuntutan dan hasrat masyarakat awam yang akan ditampilkan secara terus melalui proses politik. Dengan itu, kerajaan dapat melaksanakan tugas secara telus dan bertanggungjawab di samping melaksanakan dasar yang akan disokong oleh kemahuan politik yang tinggi. Selain itu, kerajaan sentiasa mengambil kira segala cadangan yang dikemukakan dan kesesuaianya dengan dasar negara dalam program yang bakal dilaksanakan. Penyertaan rakyat dalam membuat keputusan merupakan kebebasan hak yang diberikan oleh kerajaan sebagaimana termaktub dalam piawai antarabangsa yang menjadi kriteria asas yang menentukan komitmen kerajaan terhadap demokrasi.⁵⁴

Bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam negara, beberapa strategi dilakukan untuk meningkatkan pelaburan oleh gergasi ekonomi dari luar. Dengan itu usaha dijalankan untuk memperbaiki persekitaran ekonomi yang dapat menarik minat pelabur melalui keberkesanan dan pemulihan struktur sumber pendapatan, pmodenan dan penstruktur semula sektor tenaga dan industri, peningkatan sektor pertanian, pmodenan sektor makanan, pembangunan hutan, kerja raya dan perumahan, pemulihan

⁵² Ibid., hlm. 7-9.

⁵³ “Today Our Government is Possessing Unique Opportunities”, *Turkish Daily News*, 10 September 2003, hlm. 6-7.

⁵⁴ Rancangan dan dasar kerajaan ke-59 oleh Perdana Menteri Turki, hlm. 10.

kemudahan awam dan pemodenan pengangkutan, pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi, pengukuhan sektor perlancongan yang pelbagai dan pengurusan sumber air yang berkesan di samping tetap memastikan kepentingan alam sekitar. Kerajaan juga mengambil langkah menyusun semula sektor perkhidmatan kewangan dan sentiasa memberi sokongan kepada syarikat-syarikat kecil dan sederhana bagi meningkatkan eksport negara serta menggalakkan pelaburan syarikat-syarikat besar dari negara luar. Aspek asas yang diberi penekanan dalam rancangan ekonomi ialah kestabilan ekonomi makro, liberalisasi ekonomi mikro dan membuka pasaran antarabangsa. Melalui pemulihan cukai, asas fiskal dapat diperluaskan dan purata cukai marginal dapat dikurangkan ke tahap yang munasabah. Program penswastaan dilaksanakan bertujuan meningkatkan fungsi pasaran terbuka yang lebih baik dalam ekonomi dan menggalakkan keberkesanan dan produktiviti pengeluaran barang. Manakala, keluaran hasil pertanian, perhutanan dan penternakan akan ditingkatkan ke pasaran antarabangsa. Persaingan sihat dalam industri tempatan ke arah merancakkan lagi aktiviti ekonomi turut dipertingkatkan.⁵⁵

Pengangkutan dan komunikasi yang merupakan elemen utama bagi masyarakat bermaklumat juga memainkan peranan penting bagi membolehkan unit-unit ekonomi bergiat aktif dalam persekitaran yang demokratik. Rancangan pengangkutan yang sedang dilaksanakan diharap akan meningkatkan tahap perhubungan darat dan laut. Kerja-kerja pembinaan jalan raya meliputi 15,000 km panjang telah pun dilaksanakan di seluruh Turki. Manakala tahap kemudahan komunikasi dan pengangkutan yang lebih baik akan dipertingkatkan di semua penempatan di Turki sedikit masa lagi.⁵⁶ Selain itu, sektor perlancongan, perlombongan, sumber alam melibatkan air, galian dan lain-lain turut diberi perhatian.

⁵⁵ Ibid., hlm. 11-17.

⁵⁶ Ibid., hlm. 17.

Tumpuan terhadap sistem pendidikan negara, yang disusun semula berdasarkan prinsip sekularisme, kebebasan dan kesedaran beragama turut diberi perhatian oleh kerajaan AKP. Pendidikan agama masih terus dilaksanakan mengikut kerangka yang ditetapkan oleh perlembagaan. Kualiti pengajaran dan teknik pembelajaran turut dipertingkatkan. Kerajaan AKP prihatin terhadap pembangunan pendidikan semasa dan pembangunan penyelidikan. Untuk itu, Majlis Pendidikan Tinggi Turki (YOK) telah ditubuhkan sebagai badan yang akan menyelia dan memastikan tahap kualiti pendidikan di universiti.⁵⁷ Sebuah Akademi Politik telah ditubuhkan pada Januari 2003 yang lalu untuk meningkatkan pengetahuan politik dan pentadbiran di kalangan pelajar di samping menjadi pusat yang melahirkan generasi pelapis dan pemimpin dalam pentadbiran kerajaan tempatan pada masa hadapan.⁵⁸

Kerajaan AKP menyedari kepentingan memelihara dan mempertingkatkan nilai budaya kebangsaan dan moral bagi individu, keluarga dan masyarakat. Kerajaan berhasrat memartabatkan interaksi antara nilai budaya tempatan dengan nilai sejagat ke tahap yang paling tinggi tanpa meminggirkan amalan dan budaya masyarakat tempatan. Moral dan budaya tempatan perlu dipertahankan bagi mengelakkan sebarang konflik identiti. Namun begitu kerajaan menggalakkan kepelbagaian dalam masyarakat yang dapat menperkayakan lagi seni dan budaya setempat.⁵⁹

Golongan belia dan wanita merupakan aset penting yang turut menyumbang pembangunan negara. Perhatian diberikan oleh kerajaan terhadap segala masalah yang membelenggu golongan hawa ini. Golongan belia yang merupakan penerus kepimpinan negara diberi peranan untuk menentukan masa depan negara. Dengan itu, pelbagai

⁵⁷ "Minister Celik: Studies on YOK Bill Gain Momentum", *Turkish Daily News*, 10 September 2003, hlm. 2-3. Juga lihat Rancangan dan dasar kerajaan ke-59 oleh Perdana Menteri Turki, hlm. 18-20.

⁵⁸ "AKP Opens Local Administration School", *Zaman*, 28 Ogos 2003, hlm. 1.

⁵⁹ Rancangan dan dasar kerajaan ke-59 oleh Perdana Menteri Turki, hlm. 20.

galakan diberikan kepada golongan ini. Had umur minima untuk mengundi dikurangkan kepada dua puluh lima tahun. Polisi baru dalam sukan juga dijalankan untuk perubahan dan pembangunan sukan di Turki setelah melihat realiti kemajuan sukan dunia kini. Sokongan dalam segala lapangan sukan negara dipertingkatkan bagi mencapai mutu sukan ke peringkat antarabangsa.⁶⁰

Sementara itu, kerajaan pimpinan Erdogan berhasrat untuk sentiasa menjalinkan hubungan baik dengan jiran tetangganya ke arah keharmonian serantau dalam polisi luar negaranya. Dalam sesi temu ramah beliau dengan Ketua Pengarang The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad, Tan Sri Abdullah Ahmad, sempena lawatan kerjanya ke Malaysia pada bulan Jun 2003 yang lalu, Erdogan menyatakan bahawa Turki juga mengambil inisiatif untuk cuba memainkan peranan yang lebih penting dalam menyelesaikan beberapa krisis yang melibatkan negara jiran.⁶¹ Terbaru, peranan yang dimainkan oleh Turki bagi menghalang penggunaan ruang udara dan penempatan darat Turki oleh tentera Amerika Syarikat dalam usaha menyerang Iraq, mendapat pujian daripada pelbagai pihak. Selain akur dan menyedari akan suara majoriti rakyatnya yang tidak bersetuju dengan penggunaan Turki sebagai jalan masuk dan medan tempur pihak bersekutu untuk melakukan serangan dari utara Iraq, AKP juga ingin sentiasa menjaga hubungannya dengan Iraq dan negara-negara lain, khususnya negara Islam yang menentang keras pencerobohan terhadap Iraq. Tambahan pula, serangan yang dilakukan oleh pakatan Amerika Syarikat dan Britain ini tidak mendapat mandat daripada PBB. Peranan Turki di Iraq turut disusuli dengan beberapa misi kemanusiaan. Pengerusi Palang Merah Turki, Ertan Gonen menyatakan bahawa Turki telahpun menyalurkan sebanyak TL 9 trilion bantuan kepada rakyat Iraq dan angka ini akan ditingkatkan kepada US 10 juta dolar (TL 14 trilion) dalam masa terdekat. Bantuan ini termasuk menyediakan kemudahan

⁶⁰ Ibid., hlm. 21.

⁶¹ "Orang Asing Perlu Keluar Dari Bumi Iraq: Erdogan", hlm. 10.

perubatan kepada rakyat Iraq dan bantuan kemanusiaan yang lain.⁶² Turki juga merancang untuk membina dua buah hospital di Baghdad dan Kirkuk, Iraq sebagai suatu langkah memulihkan semula Iraq.⁶³

Selain itu, kerajaan Turki turut menyertai Amerika Syarikat dalam misi penghantaran tenteranya ke Iraq. Walaupun tindakan ini tidak dipersetujui oleh rakyat Turki, namun kerajaan AKP melihat bahawa misi ketenteraan ini dapat membawa kebaikan terhadap kerajaannya.⁶⁴ Selain mengurangkan campurtangan tentera dalam politik dan pentadbiran, kerajaan Turki juga dapat memulihkan sektor ekonominya dengan bantuan sebanyak USD 8.5 billion yang bakal diterima daripada kerajaan Amerika Syarikat.⁶⁵ Dasar luar Turki terhadap negara-negara Barat, khususnya Amerika Syarikat masih diteruskan selain atas faktor ekonomi, juga dibantu oleh hasrat Turki untuk menganggotai EU.

Suatu perkara yang menjadi perhatian kerajaan Turki kini untuk meyakinkan EU bahawa Turki bersungguh-sungguh dalam melaksanakan hak asasi, demokrasi dan perubahan politik, ialah perubahan yang dilakukan oleh Turki melalui Pakej Pemulihan Ketujuh.⁶⁶ Pakej Pemulihan ini mengandungi beberapa perubahan dalam menghadkan kuasa Majlis Keselamatan Negara (MGK) dan Sekreteriat Agungnya oleh pihak tentera yang mempunyai kuasa veto terhadap segala keputusan politik. Pakej ini menyarankan agar jawatan Sekreteriat Agung MGK, juga boleh disandang oleh orang awam, walaupun penyandang jawatan tersebut mesti mendapat persetujuan daripada Ketua Tentera.

⁶² "Turkey Ready to Increase Humanitarian Aid to Iraq", *Zaman*, 2 September 2003, hlm 1.

⁶³ "Baghdad: Turkey to Build Two Hospitals in Iraq", *Turks.US*, 25 Ogos 2003, hlm 1. <http://www.turks.us/articles.php?story=20030825074200586>.

⁶⁴ "Troop Decision Sparks Protests Across Turkey", *Turkish Daily News*, 9 Oktober 2003, hlm. 3.

⁶⁵ "Parliament Gives Go-Ahead to Troops", *Turkish Daily News*, 8 Oktober 2003, hlm. 1-3.

⁶⁶ "PM Erdogan to Deliver Speech at Center for Turkish Studies" *Zaman*, 1 Sep 2003, hlm. 1. Lihat juga "Today Our Government is Possessing Unique Opportunities", *Turkish Daily News*, 10 September 2003, hlm. 6.

Persidangan MGK hanya akan diadakan setiap dua bulan, tidak lagi sebulan sekali seperti mana kini. Walaupun demokrasi menghadkan campurtangan tentera dalam kerajaan yang dipilih oleh rakyat, namun dengan cadangan pemulihan ini, pihak tentera masih merupakan satu badan yang bebas. Pengaruh tentera tidak dimansuhkan tetapi akan dikurangkan.⁶⁷

Pakej ini juga dibentuk untuk menggubal beberapa undang-undang berhubung peruntukan kewangan ketenteraan yang kini ditentukan oleh pihak tentera sendiri.⁶⁸ Mengikut pakej ini, segala peruntukan kewangan tentera akan ditentukan di parliment dan kemudian disemak oleh pejabat juru audit negara. Hukuman yang dikenakan atas dakwaan menghasut negara dan tentera dikurangkan dari sebutan dua belas bulan penjara ke enam bulan penjara, manakala kritikan yang kecil tidak dikenakan sebarang hukuman. Lain-lain perubahan penting antaranya seperti undang-undang membenarkan mata pelajaran diajar dalam bahasa Kurdi.⁶⁹

Program pemulihan ekonomi juga dilaksanakan untuk menarik minat syarikat-syarikat besar Turki bagi memperluaskan pasaran terbuka Turki, yang tidak lagi bergantung kepada dasar luar Turki yang diawasi oleh pihak tentera. Keutamaan diberikan untuk menentukan peranan kerajaan dalam ekonomi yang melibatkan sektor swasta melalui tiga strategi bersama, iaitu penswastaan, penghapusan monopolii kerajaan dan peraturan undang-undang. Kertas kerja ini juga menuntut pengagihan perniagaan milik kerajaan dan peningkatan kuasa kerajaan tempatan melalui pengurangan cukai dan bayaran insuran sosial kepada majikan dan ahli peniagaan, peningkatan pasaran kerja, penghadan dasar fiskal dan belanjawan bagi mengimbangi fiskal negara. Langkah ini

⁶⁷ Justus Leicht, "Turkey: Reform Limits Some Military Powers", *World Socialist Web Site*, 19 Ogos 2003, hlm. 1. <http://www.wsws.org/articles/2003/aug2003/turk-a19.shtml>.

⁶⁸ Justus Leicht dan Sinan Inkinci, "Turkey: Power Struggle Between Government and Army", *World Socialist Web Site*, 18 Julai 2003, hlm. 2. <http://www.wsws.org/articles/2003/jul2003/turk-j18.shtml>.

⁶⁹ Justus Leicht, "Turkey: Reform Limits Some Military Powers", hlm. 2.

disambut baik oleh Naib Presiden Majikan-Majikan Turki (TSIAD), Mustapha Koc, yang menyifatkan pakej pemulihan ini sebagai bukti kesungguhan dan komitmen kerajaan AKP terhadap EU. Beliau yang yakin terhadap kemampuan kerajaan AKP dalam melakukan perubahan pesat untuk menyertai EU, percaya bahawa Turki akan mengalami kepesatan ekonomi sekiranya berada dalam kelompok negara-negara EU.⁷⁰

Pakej Pemulihan Ketujuh ini dapat menjelaskan kepada kita bahawa matlamat pemulihan politik dan ekonomi kerajaan Turki kini ialah mewujudkan suasana masyarakat dan aktiviti ekonomi yang bebas daripada campurtangan dan pengawasan kerajaan, tentera dan ahli politik yang tidak amanah. Walaupun pakej pemulihan yang disarankan dan sedang diusahakan oleh Erdogan dan kerajaan pimpinannya disambut baik oleh pelbagai pihak, termasuk golongan majikan dan peniaga, namun begitu, pakej ini mendapat reaksi yang berbeza daripada pihak tentera kerana telah menjejaskan kepentingan mereka.⁷¹ Walaupun begitu, kesungguhan kerajaan AKP untuk memastikan masyarakat Turki menikmati pembangunan negara sebagai sebuah negara yang moden dan maju dalam dunia global semasa, tanpa meminggirkan identiti dan budaya tempatan yang unik, merupakan satu contoh terbaik bagi negara-negara membangun yang lain.

Langkah yang diambil oleh kerajaan AKP dalam merangka program pembangunan negara banyak tertumpu kepada rancangan pemulihan bagi merangsang sektor ekonomi sedia ada setelah mengalami krisis yang agak serius dalam kerajaan campuran sebelumnya. Selain itu, perhatian turut diberikan bagi memperbaiki hal ehwal kebijakan rakyat dan kemudahan awam dalam usaha mempertingkatkan taraf hidup masyarakat. Turki juga cuba meningkatkan komitmen dan hubungannya dengan Barat

⁷⁰ Ibid., hlm. 3-4.

⁷¹ Justus Leicht dan Sinan Inkinci, "Turkey: Power Struggle Between Government and Army", hlm.2.

melalui beberapa perubahan dalam politik, hak asasi dan amalan demokrasi dalam usaha meyakinkan negara-negara anggota EU agar Turki diterima menganggotai badan ekonomi dunia itu.

5.6 Kesimpulan

Antara tahun 1998 sehingga tahun 2003, parti-parti politik yang memperjuangkan peradaban Islam telah memperlihatkan sikap dan langkah yang lebih dinamik dalam menilai persekitaran politik semasa untuk membenarkan hak umat Islam Turki tetap terpelihara. Sungguhpun terdapat halangan birokrasi dalam perundangan dan perlombagaan, parti-parti ini cuba mengendurkan ketegangan dalam masyarakat dengan tindakan yang dianggap wajar selagi tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Dengan itu, slogan demokrasi, kebebasan hak, pro-pasaran dan pro-Barat menjadi seruan utama bagi memartabatkan peradaban masyarakat Turki selari dengan arus pemodenan negara maju yang lain. Manakala sikap pragmatik pemimpin generasi baru AKP berjaya membuktikan kepada dunia bahawa Islam dan demokrasi mampu hidup secara aman dalam kehidupan masyarakat Turki yang mewarisi dwi-peradaban berbeza, iaitu Islam dan Barat.